



## LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK) KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2019

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang **menjalankan operasi perniagaan di Negeri Kedah (keutamaan kepada Syarikat yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK)** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih berkuatkuasa dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai sebut harga bagi kerja berikut:

### Maklumat Sebut Harga

NO SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN CIDB/PKK/SPKK	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZNK/SH/007/19	<b>KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA PUSAT AGIHAN MAKANAN UNTUK LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH</b>	<b>T1 – Bumiputera CIDB - G2 Kategori CE13</b>	<b>RM50.00 (Tunai)</b>  Dokumen Meja Sebut Harga boleh dirujuk mulai  <b>18 April 2019 (Khamis)</b>	<b>18 April 2019 (Khamis) 11.00 Pagi</b>  <b>Bertempat di Bilik VIP Aras 1, Menara Zakat</b>  <b>(diwajibkan hadir)</b>	<b>24 April 2019 (Rabu)</b>  <b>12.00 Tengah Hari</b>

### Tempat Jualan Dan Penghantaran Tawaran

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras 8, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-7331740	Tarikh dan Masa Jualan
	Ahad hingga Rabu: 9.00 pagi - 12.00 tengahari & 2.30 petang – 4.30 petang Khamis : 9.00 pagi – 12.00 tengahari & 2.30 petang – 3.00 petang <b>Tarikh Mula Dokumen Dijual: 18 April 2019</b>

- Semua kontraktor **DIWAJIBKAN HADIR** untuk sesi taklimat pada **18 April 2019 (Khamis)** bertempat di **Bilik VIP Aras 1, Menara Zakat**, Lembaga Zakat Negeri Kedah pada jam **11.00 pagi**.
- Kontraktor dikehendaki membawa **Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pendaftaran CIDB ASAL** yang masih sah tempoh lakunya berserta satu salinan **FOTOSTAT** semasa taklimat tersebut. Hanya **pemilik/penama** di dalam PPK/SPKK sahaja dibenarkan hadir untuk taklimat. Wakil selain **pemilik/penama** di dalam sijil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan kontraktor tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- Dokumen Sebut Harga akan dijual kepada kontraktor yang hadir ke taklimat sahaja serta mempunyai gred dan kategori yang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan menggunakan **WANG TUNAI** di Kaunter Aras 8, Menara Zakat dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman <https://www.zakatkedah.com.my>
- Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- Kontraktor yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:

Pegawai Perolehan  
Lembaga Zakat Negeri Kedah

– 04-7331740 ext. 267 & 010-448 1362